

# IORA'



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



**LIVE** HD

*Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar  
Bersama Profesor Dr. Normah  
Omar (Top Most Influential Women  
In Islamic Business & Finance) m/s 7*

m/s 6

**LIVE** HD

*Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar:  
"Institusi Beraja Lambang  
Kedaulatan Negara"*



**LIVE** HD

*Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi  
Perkongsian Ilmu: Industri Madu  
Kelulut di Negeri Sabah*

m/s 34

m/s37

**LIVE** HD

*LIVE@PTAR UiTM Cawangan  
Sarawak@122 Astro &  
myFreeview: Perpustakaan*



m/s22



*Kunjungan Hormat Ke Pejabat  
Penolong Rektor*



Live@PTAR Siri 10 "Pengurusan Kewangan dalam Norma Baharu"



1 | 11:00 Pagi Live@PTAR Siri 10 "Pengurusan Kewangan dalam Norma Baharu"



Live@PTAR Siri 10 "Pengurusan Kewangan dalam Norma Baharu"



Live@PTAR Siri 10 "Pengurusan Kewangan dalam Norma Baharu"



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung di bawah segmen Bicara Industri dengan tajuk "Pengurusan Kewangan dalam Norma Baharu". Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Hazrul Mohd Husin, Pustakawan Kanan PTAR selaku moderator bersama panel jemputan, Puan Mazni Mansor, Pengurus Financial Advisory BIMB. Sesi perkongsian secara santai ini memberi fokus kepada strategi pengurusan kewangan norma baharu iaitu semasa Pandemik Covid-19 ini terjadi. Beberapa impak terhadap Pandemik Covid-9 diperjelaskan agar masyarakat dapat memahami dengan lebih lanjut mengenai situasi masa kini. Menurut Puan Mazni, ramai pekerja yang terjejas di mana mereka telah dibuang kerja dan tidak mempunyai pendapatan. Oleh yang demikian, beliau berkongsi beberapa tips yang boleh membantu masyarakat menguruskan kewangan dengan lebih baik. Antaranya, membeli barang keperluan yang penting sahaja, menyemak semula perbelanjaan dan berjimat dari segi penggunaan elektrik dan air.

Dalam masa yang sama, masyarakat perlu mempunyai kesedaran untuk membuat simpanan kecemasan atau pelaburan yang semestinya mendatangkan kebaikan pada masa akan datang. Terdapat dua jenis pelaburan yang tersedia iaitu secara lump sum dan invest regularly. Seterusnya, panel jemputan turut menyeru kepada masyarakat agar tidak melupakan hibah, wasiat atau faraid. Menurut beliau lagi, 60 billion asset masih dibekukan kerana ketiadaan hibah atau wasiat. Pendedahan serta maklumat mengenai penyimpanan, pelaburan, perlindungan serta hibah boleh diperoleh di mana-mana cawangan Bank Islam yang berhampiran. Semoga perkongsian ilmu pada kali ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat khususnya warga UiTM.